

**Ketokohan Najib Kendali Isu Nahas MH17 Dipuji
Bernama
Julai 27, 2014**

TEMERLOH, 27 Julai (Bernama) -- Kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang menggunakan cara diplomasi berunding dengan pemimpin kumpulan pemisah di Donetsk, Alexander Borodai, dalam isu MH17 menjadikan Malaysia kini makin disegani negara besar lain.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Ismail Mohd Said berkata kewibawaan Najib itu secara langsung membuka mata dunia tentang keupayaan negara menangani isu berkenaan sehingga berjaya membawa keluar mayat mangsa tragedi MH17 dan kotak hitam dari kawasan nahas.

"Cabaran yang ditanggung kerajaan akibat nahas pesawat MH17 ini memerlukan sokongan padu semua lapisan rakyat yang cintakan keamanan dan kemakmuran negara.

"Kecaman keras anggota Parlimen terhadap penjenayah yang menembak jatuh pesawat MAS MH17 dalam Persidangan Khas Tergempar Parlimen Rabu lalu, membuktikan kita bersatu dalam hal itu dan ia juga melambangkan kemarahan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengagihkan kira-kira 4,000 batang leman kepada penduduk dan perantau balik kampung di simpang Kampung Peragap, Tol Chenur dan Bandar Kuala Krau hari ini.

Sehubungan itu, Ismail berharap rakyat Malaysia tanpa mengira agama atau pegangan politik terus memberi sokongan padu kepada Najib dan kerajaan agar mereka yang bertanggungjawab dalam nahas berkenaan dapat diheret ke muka pengadilan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1056674>